

Bil. S 44

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA PASPORT (PINDAAN), 2003

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Pindaan bab 2 dari Penggal 146.
3. Pindaan bab 3.
4. Pindaan Jadual.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA PASPORT (PINDAAN), 2003

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Pasport (Pindaan), 2003.

Pindaan bab 2 dari Penggal 146.

2. Bab 2 dari Akta Pasport, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus sebelum "Pengawal" —

"ABTC" hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana yang diberikan di bawah peraturan 2 dari Peraturan-Peraturan Imigresen (APEC Business Travel Card), 2003;".

Pindaan bab 3.

3. Bab 3 dari Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan ceraiian baru yang berikut sejurus selepas ceraiian (1) —

"(1A) Dalam hal pemegang ABTC yang bukan seorang warganegara Brunei, memasuki Brunei adalah tertakluk kepada ceraiian (1) dan visa masuk berulang kali yang sah bagi tempoh selama 3 tahun yang dikeluarkan di bawahnya."

Pindaan Jadual.

4. Jadual kepada Akta itu adalah dipinda, dalam perenggan (b) Tambahan, dengan memasukkan sejurus sebelum "Visa Transit" yang berikut —

"Kemasukan berulang kali bagi pemegang ABTC
(kesahan tidak melebihi 3 tahun)

Percuma"

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 14 haribulan Julai, 2003 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM